

Oleh Hafiz Ithnin  
hafizithnin@mediapria.com.my

Meskipun mempunyai mempunyai ijazah Sarjana muda Kajian Khidmat Sosial dari Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), pemuda berusia 32 tahun ini memilih untuk terbabit di dalam bidang penternakan yang dilihat lebih luas untuk diterokai sejak 2020.

Apatah lagi, Mohamad Fakrullah Maimun dibesarkan dengan pengaruh bapa yang pernah bekerja di bidang penternakan ikan dan abangnya, Mohd Ruzaini, 41, juga sudah memulakan bidang penternakan benih ikan keli sejak 2004.

Kini Mohamad Fakrullah bersama abangnya menjadi usahawan ternakan benih ikan keli yang mempunyai permintaan tinggi kerana ikan itu adalah 'ikan rakyat' kerana menjadi pilihan ramai untuk dijadikan menu santapan.

Mohamad Fakrullah berkata, pada 2004 abangnya mula mencebur ke bidang ternakan benih keli selepas mendapat galakkan daripada bapa yang melihat bidang ternakan mampu menjamin masa depan.

Pada awalnya, mereka mempunyai lima kolam ikan keli dan diusahakan di tanah sendiri seluas kira-kira 1.6 hektar di Kampung Enggong di Kuala Krai, Kelantan.

# BEKAL BENIH 'IKAN RAKYAT'

Dapat permintaan tinggi kerana ikan keli pilihan ramai untuk dijadikan hidangan harian

"Ketika itu, abang saya mempunyai lima kolam ikan keli dan 300 ikan keli Afrika induk. Lama-kelamaan permintaan untuk benih ikan ini semakin meningkat dan kami membuka cawangan kedua pula.

"Cawangan kedua di Kampung Lata Janggut di Jeli dengan keluasan tanah kira-kira lapan hektar yang disewa bagi memastikan bekalan kepada pelanggan dapat dipenuhi. Setakat ini pelanggan kami dari seluruh Semenanjung Malaysia," katanya.

Katanya, ketika ini induk ikan keli Afrika milik mereka mencecah lebih dua tan dan disenjawakan secara berperingkat bagi memastikan bekalan anak ikan keli dapat dipenuhi.

"Membiakkan induk ikan keli ini dilakukan secara manual iaitu kami akan mengenal pasti ikan betina yang sudah bunting kemudian mengeluarkan telurnya dan sperma ikan keli induk jantan dikeluarkan pula dan



CAWANGAN kedua yang mempunyai lebih banyak kolam benih ikan keli.



dicampurkan. Dalam tempoh 24 jam, telur ini akan menetas dan anak ikan keli ditempatkan di dalam tangki khas.

"Seterusnya selepas kira-kira lima hari anak ikan keli di dalam tangki, kami akan melepaskaninya di dalam kolam untuk menunggu waktu yang matang iaitu berusia sekitar dua bulan atau mempunyai saiz dua inci ke atas untuk dipasarkan kepada pembeli," katanya.

Jelasnya, anak ikan keli atau benih ikan keli ini diberi makanan seperti dedak, plankton dan juga makanan tambahan khas untuk memenuhi diet hidupan air berkenaan.

"Menjaga benih ikan keli ini sebenarnya mempunyai cabaran yang besar kerana pada usia ini haiwan itu amat sensitif dan mudah diserang pemangsa seperti burung dan katak juga mengganggu makanan diberikan kepada ikan ini."

"Selain itu, pada musim tengkujuh juga memberi cabaran kepada kami kerana kualiti air di dalam kolam akan berubah

menyebabkan benih ikan keli ini akan terganggu.

Pada tahun lepas kami merekodkan jumlah kematian yang agak tinggi iaitu lebih satu juta anak ikan keli," katanya.

Namun kematian yang tinggi itu menjadikan mereka lebih bermotivasi dan berkerja keras bagi


memastikan ternakan anak ikan keli mampu hidup dengan baik.

"Bagi saya perkara paling penting sebagai penternak ialah semangat kerana tanpa semangat kita tidak dapat meneruskan usaha dan ia juga menjadi pemangkin supaya bersedia apabila berdepan dengan cabaran perniagaan."

"Selain itu, kami juga perlu memastikan bekalan benih ikan keli yang dijual mempunyai kualiti yang tinggi supaya pelanggan yakin dengan ternakan yang dihasilkan kita. Disebabkan itu saya rajin membuat perkongsian menerusi media sosial cara penjagaan ikan air tawar untuk penternakan," katanya.

**Menjaga benih ikan keli ini mempunyai cabaran yang besar kerana pada usia ini haiwan itu amat sensitif dan mudah diserang pemangsa**

**MOHAMAD FAKRULLAH**



FAKRULLAH (kiri) bersama abangnya, Ruzaini meneroka ternakan pembentahan ikan keli.



BENIH ikan keli bersaiz dua inci ke atas sahaja yang dijual di pasaran.



BENIH ikan jelijah yang siap untuk dipasarkan kepada pembeli.